

SOALAN NO: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA. PENGGAL KETIGA.
PARLIMEN KETIGA BELAS.
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD

TARIKH: 15 MAC 2016

SOALAN:

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pemantauan dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memastikan setiap syarikat berdaftar mempunyai pegawai keselamatan (*safety officer*) bagi mengawasi pelaksanaan agenda keselamatan di setiap peringkat organisasi selaras dengan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1997.

PR-1341-L72478

1

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pemantauan yang dilakukan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi memastikan syarikat mempunyai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) selaras dengan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997 adalah seperti berikut;

- 1) Menjalankan Penguatkuasaan semasa pemeriksaan berkala dan pemeriksaan mengejut di tempat kerja yang memerlukan penggajian SHO terutamanya di kilang-kilang dan tapak-tapak pembinaan;
- 2) Mengeluarkan notis penambahbaikan atau mengenakan tindakan mahkamah ke atas syarikat yang gagal menggaji SHO seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994;
- 3) Mensyaratkan SHO mengemukakan dokumen pengesahan majikan dan bukti-bukti menjalankan tugas sebagai SHO semasa memohon untuk pembaharuan sijil SHO;

- 4) Meningkatkan bilangan SHO di pasaran dengan menambah bilangan pusat pengajar dan memudahkan urusan pendaftaran sebagai SHO;
- 5) Menggalakkan Kementerian-kementerian, syarikat GLC dan syarikat besar yang lain untuk meletakkan syarat penggajian SHO dalam perjanjian konsesi atau tender yang dikeluarkan. Sebagai contoh Kementerian Kesihatan Malaysia mensyaratkan penggajian SHO dalam perjanjian konsesi dengan Medivest Sdn Bhd yang menjalankan kerja-kerja penyenggaraan hospital-hospital kerajaan.